

Asnaf bersyukur terima bantuan peralatan, modal niaga

UTUSAN MALAYSIA 19/10/2023

M/S: 81

IPOH: Peniaga ayam geprek yang berhijrah dari Kuala Lumpur ke Perak selepas kejatuhan perniagaannya ketika pandemik Covid-19 bersyukur menerima bantuan peralatan memasak serta modal perniagaan daripada Majlis Agama Islam Negeri Perak (MAIPk).

Zainor Fazrin Zainen, 36, yang tinggal di Taman Mahkota, Kampar berkata, penyerahan peralatan memasak itu sangat membantunya untuk mengembangkan lagi perniagaan.

"Saya berasa gembira dan bersyukur kerana diberi peluang untuk menerima bantuan

ini. Bantuan ini sangat membantu untuk mengembangkan lagi perniagaan saya.

"Dalam program ini, saya dapat modal sebanyak RM3,000 iaitu RM500 setiap bulan dalam tempoh enam bulan," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui pada Program Pemerkaan Ekonomi Asnaf Proper A di sini semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Shahruh Azam Shaari menyerahkan sumbangan peralatan dan modal perniagaan kepada penerima.

Menurutnya, peralatan yang diberi adalah mengikut keperlu-

an peniaga dengan peruntukan sebanyak RM5,000.

"Kita boleh pilih peralatan yang kita mahukan mengikut jumlah peruntukan yang diberi.

"Sebagai contoh, selain meniaga ayam geprek, saya juga ada meniaga sambal serta kudapan-kudapan, jadi, saya dapat peralatan berdasarkan keperluan perniagaan saya," katanya.

Pemilik Lynndarling Licious Delight, Azlinda Mohd Mohtar, 43, berkata, ini merupakan kali pertama dia menyertai program tersebut dan bersyukur dengan bantuan yang diberikan.

The image shows a certificate from Morgan MCS-298 Upright Showcasing the Program Pemerkaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) 2023. The certificate is issued to ZAINOR FAZRIN BINTI ZAINEN, NO IC: 870219146012, at 50, JALAN MAHKOTA KAMPAR 6, TAMAN MAHKOTA 31910 KAMPAR, PERAK. The items received are listed as follows:

1. CHEST FREEZER 300L
2. STAINLESS STEEL 3 BURNER HIGH PRESSURE
3. THE BAKER ELECTRIC OVEN DIGITAL
4. CANOPY HEAVY DUTY AAA
5. THE BAKERS MIXER
6. FOLDING TABLE

ZAINOR Fazrin Zainen menerima bantuan peralatan memasak dan model perniagaan daripada MAIPk pada majlis di Ipoh, semalam.
- UTUSAN/LIYANA RAMLI